

6 wakil PKR dalam Majlis Presiden PH perlu sepakat

Kepemimpinan tidak boleh bawa suara peribadi, hanya keputusan ditetapkan parti

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Petaling Jaya: Enam wakil PKR dalam Majlis Presiden Pakatan Harapan (PH) perlu sebulat suara dalam isu peralihan kuasa jatahan Perdana Menteri.

Mereka adalah Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim; Timbalannya, Datuk Seri Mohamed

Azmin Ali; Pengerusi Majlis Penasihat PKR, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Setiausaha Agung, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail serta dua Naib Presiden, Tian Chua dan Xavier Jayakumar.

Ketetapan berkenaan dicapai pada mesyuarat Majlis Pimpinan Pusat (MPP) PKR di sini, semalam.

Menjelaskan lebih lanjut mengenai pendirian terabit, Saifuddin berkata, barisan kepemimpinan PKR tidak boleh membawa suara peribadi dalam mesyuarat Majlis Presiden PH, sebaliknya hanya suara dan keputusan yang ditetapkan parti.

"Mesyuarat MPP hari ini (semalam) membuat ketetapan



BHTV

enam wakil parti dalam Majlis Presiden PH perlu sebulat suara dalam isu peralihan ini. Seperti diketahui umum, calon Perdana Menteri seterusnya adalah Datuk Seri Anwar.

"Ia juga dipersetujui dalam mesyuarat (Majlis Presiden PH) pada Januari 2018," katanya.

Mesyuarat MPP semalam juga mengambil keputusan melantik Ahli Parlimen Gopeng, Dr Lee Boon Chye sebagai ahli MPP baharu menggantikan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubuk, Lee Khai Loon.

ADUN Batu Tiga, Rodziah Ismail turut dilantik sebagai ahli MPP menggantikan Ahli Parlimen Ledang, Syed Ibrahim Syed

Noh yang kini memegang jawatan Pengerusi PKR Johor.

Kelman, media melaporkan Mohamed Azmin mengingatkan pihak yang menggesa peralihan kuasa Perdana Menteri di antara Tun Dr Mahathir Mohamad dan Anwar supaya mengutamakan kepentingan negara, bukannya individu.

Biarpun tidak menyebut nama, Menteri Hal Ehwal Ekonomi itu dipercayai merujuk kepada cadangan beberapa Ahli Parlimen PKR supaya peralihan kuasa dilakukan pada Mei ini.

Beliau turut mempersoalkan alasan individu yang menggesa Dr Mahathir berundur walaupun Perdana Menteri sudah menyatakan komitmen untuk menyerahkan kuasa kepada Anwar.

HARI : ..
TARIKH : ..
M/SURAT : ..
19/1/2020
AHAD
8